



## SIARAN MEDIA BERSAMA

### **PR1MA, MBSB BANK DAN SJKP TEROKA KERJASAMA UNTUK TINGKATKAN KADAR PEMILIKAN RUMAH**

**KUALA LUMPUR, 14 Julai 2023** – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) telah menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) hari ini dengan MBSB Bank Berhad (MBSB Bank) dan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP), selari dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah dalam kalangan rakyat Malaysia.

MoU pertama yang ditandatangani oleh PR1MA adalah dengan MBSB Bank untuk meneroka kerjasama pembiayaan ekosistem PR1MA dalam membangunkan projeknya. Melalui kolaborasi ini, PR1MA boleh mendapat sokongan kewangan daripada MBSB Bank agar pemaju, kontraktor dan pembekal projek di bawah PR1MA dapat memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual dan menjamin kualiti yang baik.

MoU ini telah ditandatangani oleh Datuk Seri Haji Mohd Nazri Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA dan Datuk Nor Azam M. Taib, Ketua Pegawai Eksekutif MBSB Bank. Ianya disaksikan oleh Datuk Azrulnizam Abdul Aziz, Pengerusi PR1MA dan juga Encik Arul Sothy Mylvaganam, Ahli Lembaga Pengarah MBSB Bank.

PR1MA turut menandatangani MoU dengan MBSB Bank dan SJKP untuk memudahkan akses kepada pembeli yang ingin membeli rumah pertama mereka. Melalui MoU ini, ketiga-tiga pihak akan bekerjasama untuk menyediakan kemudahan pembiayaan yang menarik daripada MBSB Bank dan jaminan Kerajaan daripada SJKP bagi pembeli kediaman PR1MA.

Skim Jaminan Kredit Perumahan di bawah SJKP adalah salah satu skim yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan. Bermula pada 1 April 2023, Kerajaan Malaysia telah meluaskan sasaran SJKP bagi merangkumi kedua-dua golongan berpendapatan tetap dan tidak tetap yang berkecukupan di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan perumahan.



Kerjasama di antara PR1MA, MBSB Bank dan SJKP ini adalah selari dengan pengumuman Kerajaan semasa pembentangan Bajet 2023 di mana ia telah memperuntukkan jaminan tambahan sebanyak RM3 bilion untuk Skim Jaminan Kredit Perumahan yang baharu.

“Melalui MoU yang telah ditandatangani pada hari ini, saya yakin kami akan terus dapat menyokong aspirasi Kerajaan dalam meningkatkan kadar pemilikan rumah buat rakyat Malaysia. Saya amat berterima kasih dengan SJKP dan MBSB Bank atas kerjasama ini, dan berharap agar kerjasama ini dapat berkekalan buat jangka masa panjang”, kata Datuk Azrulnizam Abdul Aziz, Pengerusi PR1MA.

MoU kedua ini telah ditandatangani oleh Datuk Seri Haji Mohd Nazri Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA; Datuk Nor Azam M. Taib, Ketua Pegawai Eksekutif MBSB Bank dan Encik Azlan Mohd Agel, Pengurus Besar Kanan SJKP. Majlis menandatangani kolaborasi ini turut disaksikan oleh Datuk Azrulnizam Abdul Aziz, Pengerusi PR1MA; Encik Arul Sothy Mylvaganam, Ahli Lembaga Pengarah MBSB Bank dan juga Puan Juanita Rusmini Abdul Jalil, Ketua Pegawai Operasi SJKP.

“Dalam usaha kami untuk menyediakan rumah berkualiti untuk rakyat Malaysia, PR1MA akan terus menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak yang relevan seperti MBSB Bank dan SJKP. Saya yakin kerjasama berterusan antara agensi kerajaan, institusi kewangan dan swasta akan membawa manfaat berpanjangan buat rakyat Malaysia untuk memiliki kediaman yang selesa buat keluarga mereka,” kata Datuk Seri Haji Mohd Nazri Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA.

Datuk Nor Azam M. Taib, Ketua Pegawai Eksekutif MBSB Bank pula berkata, “MBSB Bank yakin bahawa komitmen yang kami berikan akan menyokong PR1MA mencapai mandatnya dalam memenuhi objektif utamanya iaitu membina rumah mampu milik berkualiti tinggi.”

Tambah beliau lagi, “Dalam pada itu, kami juga yakin bahawa komitmen kami bersama SJKP, akan membantu mengurangkan kekangan kewangan rakyat dan ini adalah selari dengan aspirasi Kerajaan dalam mengatasi masalah pemilikan rumah.”

**-TAMAT-**



### Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

<b>Perspective Strategies</b>	<b>MBSB Bank</b>	<b>SJKP</b>
Amiruddin Azran E: amiruddin.azran@perspective.com.my M: 011-11452867	Nik Surina Suria Nik Abdullah Jabatan Komunikasi Korporat MBSB Bank Berhad Aras 9, Menara MBSB Bank PJ Sentral, Persiaran Barat Seksyen 52, 4200 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan E: corporatecomms@mbsbbank.com M: 013 - 367 6488	Faridah Abd Wahab Corporate Communications 11th Floor, Bangunan Setia 1 15, Lorong Dungun Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur E: faw@prokhas.com.my T: 03 - 2096 5080
<b>PR1MA</b> Khairul Faizi Dalaiil E: khairul.faizi@pr1ma.my M: 013 - 702 9740		

#### Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep "Rumah Kita, Komuniti Kita" menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

#### Mengenai MBSB Bank

MBSB Bank Berhad (MBSB Bank) merupakan sebuah Bank Islam sepenuhnya di Malaysia yang menyediakan kemudahan perbankan patuh syariah kepada pelanggan runcit, PKS dan korporat. Sebagai tambahan kepada senarai produk pembiayaannya, MBSB Bank, melalui keupayaan digitalnya, memperluaskan saluran pengedarannya melalui perkhidmatan dalam talian seperti perbankan mudah alih dan cawangan maya. Untuk maklumat lanjut, layari [www.mbsbbank.com](http://www.mbsbbank.com)

#### Mengenai SJKP

Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Ditubuhkan pada 2007, SJKP diberi mandat mentadbir Skim Jaminan Kredit Perumahan oleh Kerajaan bagi membantu golongan berpendapatan tidak tetap dan berpendapatan tetap mendapatkan pembiayaan daripada institusi-institusi kewangan untuk membeli rumah pertama. Untuk maklumat lanjut berkenaan SJKP, layari [www.sjkp.gov.my](http://www.sjkp.gov.my)